



POLISI

WHISTLEBLOWING

KWSP

KANDUNGAN

1.	TUJUAN	1
2.	OBJEKTIF	1
3.	SKOP DAN PEMAKAIAN	1
4.	DEFINISI	1
5.	PROSEDUR PELAPORAN	3
6.	PERLINDUNGAN KEPADA <i>WHISTLEBLOWER</i>	3
7.	PENGECUALIAN KEPADA PERLINDUNGAN	4
8.	PEMBERIAN GANJARAN KEPADA <i>WHISTLEBLOWER</i>	5
9.	PINDAAN / PENGEMASKINIAN	5
10.	TARIKH KUAT KUASA	5

1. TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk menyediakan saluran yang selamat, mudah, dan menjamin kerahsiaan kepada anggota, ahli Lembaga, ahli Panel Pelaburan, ahli Penasihat Syariah dan/atau mana-mana pihak yang berurusan dan/atau tidak berurusan secara langsung dengan KWSP untuk melaporkan sebarang maklumat mengenai fraud dan/atau salah laku yang boleh menjejaskan reputasi dan kepentingan KWSP kepada pihak yang diberi kuasa di Jabatan Integriti & Tadbir Urus.

2. OBJEKTIF

Menggalakkan pendedahan dan menyediakan perlindungan kepada *whistleblower*, serta menjamin keadilan kepada semua pihak yang terlibat, bagi menyokong pengukuhan integriti organisasi.

3. SKOP DAN PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada anggota, ahli Lembaga, ahli Panel Pelaburan, ahli Penasihat Syariah dan/atau mana-mana pihak yang berurusan secara langsung/tidak secara langsung dengan KWSP.

4. DEFINISI BAGI TUJUAN POLISI INI

Istilah dan definisi yang digunakan bagi tujuan Polisi ini adalah seperti berikut:

4.1 “Fraud” termasuk:

- 4.1.1 pembuatan sebarang pernyataan fakta yang palsu;
- 4.1.2 penyembunyian sebarang fakta;
- 4.1.3 apa-apa tindakan yang dibuat dengan niat untuk memperdaya;
- 4.1.4 apa-apa tindakan berbentuk penipuan; atau
- 4.1.5 apa-apa tindakan yang ditetapkan di bawah undang-undang sebagai fraud.

4.2 **“Anggota” bermaksud :**

Anggota hendaklah merangkumi Lembaga, Panel Pelaburan dan pegawai atau pengkhidmat seperti yang dimaksudkan di bawah Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Ini termasuk:

- 4.2.1 Anggota tetap, kontrak, sambilan, Skim Latihan Siswazah, sementara, dipinjamkan, pinjaman; dan
- 4.2.2 Ahli Lembaga dan ahli Panel Pelaburan atau Jawatankuasa lain yang telah dan akan ditubuhkan dari semasa ke semasa.

4.3 **“Salah laku” termasuk :**

Apa-apa kelakuan atau tingkah laku yang:

- 4.3.1 Melanggar Kaedah-Kaedah KWSP (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
- 4.3.2 Melanggar Kod Etika KWSP
- 4.3.3 Menyalahi undang-undang

4.4 **“Lembaga” bermaksud :**

Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

4.5 **“KWSP” bermaksud :**

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

4.6 **“Orang Yang Dilaporkan” bermaksud :**

Mana-mana orang yang dilaporkan melakukan fraud dan/atau salah laku seperti mana yang didedahkan oleh *whistleblower*.

4.7 **“Whistleblower” bermaksud :**

Mana-mana orang yang percaya dengan munasabahnya dan dengan suci hati bahawa fraud dan/atau salah laku telah, sedang atau akan berlaku di KWSP dengan memberi maklumat dan mendedahkan berhubung fraud atau salah laku kepada pihak yang diberi kuasa di Jabatan Integriti & Tadbir Urus.

5. PROSEDUR PELAPORAN

- 5.1 Maklumat berkaitan dengan fraud dan/atau salah laku adalah seperti mana ditakrifkan di bawah perenggan 4.1 dan 4.3 Polisi ini.
- 5.2 Maklumat yang benar berasaskan bukti yang dibuat tanpa kepentingan peribadi mana-mana pihak.
- 5.3 Maklumat berkaitan fraud dan/atau salah laku boleh disalurkan melalui mana-mana saluran berikut:
- Emel: speakup@epf.gov.my
 - Laman sesawang KWSP:
<https://www.kwsp.gov.my/ms/korporat/hubungi-kami/pertanyaan>
 - Telefon: 03-6122 6122
 - Surat (termasuk surat layang): Jabatan Integriti & Tadbir Urus, Menara KWSP, No 1, Persiaran Kwasa Utama, Kwasa Damansara, Seksyen U4, 40150, Shah Alam, Selangor
 - Hadir sendiri ke Pejabat Jabatan Integriti & Tadbir Urus
 - Aduan kepada Pihak Berkuasa (contoh: SPRM, PDRM)
- 5.4 Pelaporan boleh dibuat terus melalui mana-mana saluran aduan KWSP yang tersedia sekiranya kesalahan itu melibatkan pegawai di Jabatan Integriti & Tadbir Urus.

6. PERLINDUNGAN KEPADA *WHISTLEBLOWER*

Lembaga memberi perlindungan kepada *whistleblower* seperti berikut, tertakluk kepada terma dan syarat yang diperuntukkan dalam polisi ini.

- 6.1 Menjamin kerahsiaan mengenai butiran diri *whistleblower*. Butiran berhubung *whistleblower* hanya akan dimaklumkan kepada pihak yang terlibat mengikut keperluan.

- 6.2 Melindungi *whistleblower* (khusus untuk anggota KWSP) yang memberi maklumat atau membuat pendedahan fraud dan/atau salah laku daripada dikenakan tindakan penamatan kerja secara tidak adil atau sebarang tindakan yang memprejudiskan pekerjaan.
- 6.3 Melindungi *whistleblower* yang menyalurkan terus maklumat berhubung fraud atau salah laku kepada pihak yang diberi kuasa di Jabatan Integriti & Tadbir Urus dan/atau Ketua, Jabatan Integriti & Tadbir Urus.
- 6.4 Identiti dan maklumat peribadi *whistleblower* hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mempunyai keperluan yang sah untuk mengetahui.

7. PENGECUALIAN KEPADA PERLINDUNGAN

- 7.1 Polisi ini tidak melindungi *whistleblower* daripada diambil tindakan sekiranya didapati *whistleblower* dengan munasabahnya mengetahui bahawa pemberian atau pendedahan maklumat berhubung fraud atau salah laku secara jelas dilakukan dengan niat jahat, tidak benar atau disengajakan-
- 7.2 *Whistleblower* yang dinyatakan di bawah Perenggan 7.1, sekiranya berkenaan, boleh diambil tindakan disiplin/tatatertib yang boleh membawa kepada penamatan pekerjaan mengikut polisi atau prosedur atau Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
- 7.3 *Whistleblower* yang telah berkongsi maklumat mengenai kejadian ini kepada pihak ketiga dan/atau bertindak sebagai saksi dan/atau menjadi mangsa kejadian dan/atau terlibat sebagai sebahagian daripada isu atau konteks aduan tersebut, tidak akan diberi perlindungan di bawah polisi whistleblowing ini.

7.4 Pelaporan melalui saluran aduan dalaman KWSP tidak secara automatik melayakkan pelapor kepada perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat. Perlindungan di bawah Akta tersebut hanya terpakai apabila pendedahan dibuat kepada pihak berkuasa seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta berkenaan.

8. PEMBERIAN GANJARAN KEPADA *WHISTLEBLOWER*

Lembaga boleh menentukan ganjaran yang sesuai untuk diberikan kepada *whistleblower* atas pendedahan fraud yang:

- (i) membantu siasatan terhadap Orang Yang Dilaporkan sehingga hukuman dijatuhkan oleh Lembaga/Pengurusan; dan
- (ii) dapat mengelakkan atau mengurangkan kerugian kepada KWSP.

9. PINDAAN / PENGEMASKINIAN

9.1 Cadangan pindaan ke atas polisi ini hendaklah dirujuk kepada Pengurusan Tertinggi untuk perakuan bagi tujuan mendapatkan kelulusan Lembaga dan/atau Jawatankuasa Lembaga.

9.2 Pengemaskinian Polisi yang bersifat kosmetik dan bukan substantif dalam Polisi ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) dengan kelulusan Pengurusan Tertinggi.

10. TARIKH KUAT KUASA

Pindaan polisi ini telah diluluskan melalui Mesyuarat BRMSC Bil. 01/2026 bagi menggantikan polisi sedia ada, **berkuat kuasa mulai 9 Februari 2026.**